

KONSEP JIHAD SALAHUDDIN AL- AYYUBY MENURUT  
PANDANGAN IBN AL-ATHIR DAN  
AL-ISFAHANI

Oleh  
ABDULASI KALUPAE

Tesis Yang Diserahkan Untuk  
Memenuhi Keperluan Bagi Ijazah  
Doktor Falsafah

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2014

KONSEP JIHAD SALAHUDDIN AL- AYYUBY  
MENURUT PANDANGAN IBN AL-ATHIR DAN  
AL-ISFAHANI

ABDULASI      KALUPAE

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2014

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T di atas limpah kurnia dan doronganNya dapat saya menyelesaikan tesis ini. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad S.A.W kerana baginda adalah *Qudwah* contoh yang baik kepada seluruh umat manusia.

Dalam tempoh lima tahun saya berada di Universiti Sains Malaysia, saya banyak menimba ilmu daripada pensyarah-pensyarah di universiti ini. Oleh itu saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya Professor Madya Dr. Ratna Roshida binti Abdul Razak yang telah memberikan bimbingan semenjak awal sehingga kajian ini dapat disempurnakan. Di samping itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mantan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Universiti Sains Malaysia (USM) dan timbalannya yang selalu memberikan sokongan agar penyelidikan ini dapat diselesaikan dengan baik dan juga kepada Pengerusi Tamadun Islam, PPIK USM yang telah memberi kesempatan kepada Penyelidik supaya dapat membuat kajian dalam bidang ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Syed Muhammad Dawilah Bin Abdullah al-Edrus yang kini berada di UTHM, Profesor Madya Dr. Muhammad Azizan Sabjan, Dr. Mohd Farid bin Mohd Sharif, Dr. Jasni Sulung dan semua pihak yang selalu membantu saya dalam tempoh saya menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga kepada seluruh warga kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan para pegawai di USM. Sejuta penghargaan kepada Perpustakaan

Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis, Perpustakaan Universiti Ramkamhaeng di Bangkok, Perpustakaan Universiti Songkhla di Nakarin Pattani dan Perpustakaan Universiti Islam Pattani di Thailand. Saya merakamkan penghargaan yang tidak terhingga nilainya kepada Profesor. Madya Dato' Alim Setia Ahmad Bin Jusoh sebagai Pemangku Rektor Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis (IPTIPs), Tuan Syed Akhir Syed Abdul Rahman, Encik Zainol bin Hassan dan Encik Zulkifli bin Abdul Aziz sebagai pensyarah IPTIPs dan kakitangan institut tersebut. Juga untuk pensyarah saya di Universiti Songkhla Nakarin iaitu al-Marhum Prof Dr. Hasan Madman, Prof. Dommanaj Baka, Dr. Abdullah Karina, Dr. Ismail Lutfi dan Dr. Ahmad Omar Chapakiya. Saya juga terhutang budi kepada rakan-rakan saya Dr. Abdul Halim Dana, Dr. Numan Hayimasa, Dr. Ismaie Katih, Tanin Salam, Dr. Ahamakosee Kasor, Dr. Abdullah Uma, Abdul Ghani Keeyah, Dr. Abdul Hadi Sabudin, Nadzri bin Elias dan rakan-rakan yang memberikan sokongan akademik dan moral.

Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga diberikan kepada ibu bapa saya yang tersayang Haji Abdul Rahman Cik Muda, Hajah Rakiyah Binti Haji Muhammad Amin, isteri saya Syarifah dan anak-anak Nurul Huda, Hurul Aini serta Hafiz. Kepada adik-adik saya seterusnya ahli keluarga dan penduduk-penduduk Kampong Lada, Ramong, Pujud, Pattani, Thailand, mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat dan nikmat hidayah serta balasan yang sebaiknya di dunia dan akhirat kepada semua yang menolong saya menjayakan tesis ini, Amin Ya'Rabbal'Alamin.

## KANDUNGAN

### DAFTAR ISI

### Muka surat

|   |      |
|---|------|
| <b>PENGHARGAAN</b>                                      | i    |
| <b>SENARAI KANDUNGAN</b>                                | iii  |
| <b>SENARAI TRANSLITERASI</b>                            | vi   |
| <b>SENARAI HURUF SINGKAT</b>                            | vii  |
| <b>ABSTRAK</b>  | viii |
| <i>ABSTRACT</i>   | ix   |
| <br><b>BAB SATU : PENDAHULUAN</b>                       |      |
| 1.1 Latar Belakang                                      | 1    |
| 1.2 Permasalahan kajian                                 | 9    |
| 1.3 Objektif kajian                                     | 10   |
| 1.4 Skop kajian   | 10   |
| 1.5 Kaedah Penyelidikan                                 | 11   |
| 1.6 Sorotan Literatur                                   | 14   |
| 1.7 Organisasi Kajian                                   | 23   |
| <br><b>BAB DUA : KONSEP JIHAD SALAHUDDIN AL- AYYUBY</b> |      |
| 2.1 Pengertian konsep jihad                             | 24   |
| 2.1.1 Hukum jihad dan kelebihannya                      | 31   |
| 2.1.2 Latar belakang Salahuddin al-Ayyuby               | 41   |
| 2.1.3 Pendidikan Salahuddin al-Ayyuby                   | 46   |

|  |    |
|--|----|
| 2.1.4 Keadaan masyarakat pada zaman Salahuddin | 51 |
| 2.1.5 Kerajaan Zingki                          | 58 |
| 2.1.6 Kerajaan al-Fatimi                       | 61 |
| 2.1.7 Kerajaan Ayyubiyah                       | 77 |

## **BAB TIGA : LATAR BELAKANG DAN KETOKOHAN IBN AL-ATHIR DAN AL-ISFAHANI**

|   |     |
|---|-----|
| 3.1 Latar belakang Ibn al-Athir                   | 85  |
| 3.1.1 Guru dan murid Ibn al-Athir                 | 89  |
| 3.1.2 Hasil tulisan Ibn al-Athir                  | 90  |
| 3.1.3 Kaedah penulisan Ibn al-Athir               | 92  |
| 3.1.4 Ketokohan Ibn al-Athir                      | 96  |
| 3.2 Latar belakang al-Isfahani                    | 102 |
| 3.2.1 Guru dan murid al-Isfahani                  | 109 |
| 3.2.2 Hasil tulisan al-Isfahani                   | 109 |
| 3.2.3 Kaedah penulisan al-Isfahani                | 111 |
| 3.2.4 Keadaan semasa al-Isfahani                  | 113 |
| 3.2.5 Ketokohan al-Isfahani                       | 115 |
| 3.2.6 Perang Salib I dan penjajahan Baitul Maqdis | 129 |

## **BAB EMPAT : PANDANGAN IBN AL-ATHIR DAN AL-ISFAHANI TENTANG KEPELBAGAIAN JIHAD SALAHUDDIN**

|  |     |
|--|-----|
| 4.1 Jihad Salahuddin menentang tentera Salib | 159 |
| 4.2 Penyatuan barisan umat Islam             | 167 |

|  |     |
|--|-----|
| 4.3 Pembebasan Baitul Maqdis                                     | 177 |
| 4.4 Sumbangan ekonomi  | 186 |
| 4.5 Sumbangan kemasyarakatan                                     | 198 |
| 4.6 Pentadbiran dan politik                                      | 203 |
| 4.7 Sistem Ketenteraan   | 211 |
| 4.8 Perdamaian   | 217 |
| 4.9 Persamaan dan perbezaan pandangan Ibn al-Athir & al-Isfahani | 228 |
| 4.9.1 Aspek persamaan tentang penentangan tentera Salib          | 229 |
| 4.9.2 Aspek persamaan dalam penyatuan barisan umat Islam         | 232 |
| 4.9.3 Aspek persamaan dalam pembebasan Baitul Maqdis             | 236 |
| 4.9.4 Aspek perbezaan pengurusan kemasyarakatan                  | 239 |
| 4.9.5 Aspek persamaan dalam pentadbiran                          | 243 |
| 4.9.6 Aspek perbezaan pengurusan politik                         | 245 |
| 4.9.7 Aspek persamaan tentang perdamaian                         | 253 |

## **BAB LIMA : KESIMPULAN**

|                            |     |
|----------------------------|-----|
| 5.1 Kesimpulan dari kajian | 258 |
|----------------------------|-----|

## **BIBLIOGRAFI**

|     |
|-----|
| 273 |
|-----|

## TRANSLITERASI

Ejaan baca Bahasa Melayu di dalam mengeja Perkataan Arab dengan kaedah Transliterasi<sup>1</sup> adalah seperti berikut:

| <b>Huruf Arab</b> | <b>Nama</b> | <b>Huruf Latin</b> |
|-------------------|-------------|--------------------|
| ا                 | Alif        | A                  |
| ب                 | Ba          | B                  |
| ت                 | Ta          | T                  |
| ث                 | Tha         | Th                 |
| ج                 | Jam         | J                  |
| ح                 | Ha          | H                  |
| خ                 | Kha         | Kh                 |
| د                 | Da          | D                  |
| ذ                 | Za          | Dh                 |
| ر                 | Ra          | R                  |
| ز                 | Zay         | Z                  |
| س                 | Sin         | S                  |
| ش                 | Syin        | Sy                 |
| ص                 | Sad         | S                  |
| ض                 | Dad         | D                  |
| ط                 | Ta          | T                  |
| ظ                 | Za          | Z                  |
| ع                 | Ayn         | '                  |
| غ                 | Ghain       | Gh                 |
| ف                 | Fa          | F                  |
| ق                 | Qaf         | Q                  |
| ك                 | Kaf         | K                  |
| ل                 | Lam         | L                  |
| م                 | Mam         | M                  |
| ن                 | Nun         | N                  |
| و                 | Waw         | W                  |
| ه                 | Ha          | H                  |
| ي                 | Ya          | Y                  |

---

<sup>1</sup> Sumber: Pedoman Transliterasi Huruf Arab Latin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 1-3. Jere L. Bacharach, 1984, *A Middle East Studies Handbook*, London New York New Rochelle Melbourne Sidney : Cambridge University Press Cambridge. hlm 2-3.

|                     |                      |                            |
|---------------------|----------------------|----------------------------|
| š                   | Tə marbutah          | H                          |
| <b>Vokal Pendek</b> | <b>Vokal Panjang</b> | <b>Vokal Diftong Latin</b> |
| _ a                 | \_ a                 | ی\_ ay                     |
| _ i                 | ی\_ i                | و\_ aw                     |
| _ u                 | و\_ u                | Iy/I uwu                   |

## HURUF SINGKAT

S.A.W : Salallah Alaihi Wasallam

S.W.T : Subḥānahū wataḥla

t.t : Tanpa tahun

t.p : Tanpa penerbit

t.t.p : Tanpa Tempat penerbit

juz : Juzuk atau jilid

hlm. : Halaman

M : Tahun Masihi

H : Tahun Hijrah

n.h. : Nombor Hadith

a.s. : Alaihissalam

Ibid : Ibden iaitu rujukan yang sama telah  
disebutkan

Vol : Volume

## **Konsep Jihad Salahuddin al-Ayyuby Menurut Pandangan Ibn al-Athir Dan al-Isfahani**

### **ABSTRAK**

Salahuddin al-Ayyuby ialah seorang pahlawan Islam yang ulung di dunia Islam. Beliau berjaya membebaskan Baitul Maqdis dan mengasaskan kerajaan al-Ayyuby di Mesir dan Syria. Antara kemenangan besar yang dicapai kejayaannya ialah mengalahkan tentera Salib dalam perang Hittin. Beliau juga menyatukan barisan umat Islam di antara negara Mesir, Syria, Yaman, Sudan dan Asia Kecil menjadi satu pada kurun ke 6/12 M. Salahuddin juga telah berjaya membina kesejahteraan insan tidak mengira bangsa dan agama khususnya mempertahankan kehormatan Islam. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui perpustakaan dan menggunakan tiga sumber utama iaitu *al-Kāmil fi al-Tārikh* karangan Ibn al-Athir, *al-Barq al-Syām*/ dan *al-Fath al-Qusūs/fi al-Fath al-Quds*/, karangan al-Isfahani dan kitab-kitab yang lain sebagai penguat. Kajian ini juga menggunakan kaedah komparatif untuk perbandingan perspektif Ibn al-Athir dan al-Isfahani. Hasil kajian menunjukkan bahawa dua orang tokoh tersebut banyak memberi pandangan yang sama dalam lima aspek, iaitu aspek jihad menentang tentera Salib, penyatuan barisan umat Islam, pembebasan Baitul Maqdis, pentadbiran, tentera dan perdamaian. Manakala hanya dua aspek yang berbeza, ialah aspek pengurusan masyarakat dan politik. Perbezaan pandangan di antara kedua-dua tokoh tersebut disebabkan masing-

masing bertugas di kawasan yang berlainan. Persamaan dan perbezaan dapat dirumuskan bahawa konsep jihad Salahuddin al-Ayyuby tidak sekadar memfokuskan aspek peperangan semata-mata tetapi meliputi semua aspek kehidupan secara menyeluruh.

## **Salahuddin al-Ayyuby's Concept of Jihad from the Perspective of Ibn al-Athir and al-Isfahani**

### **ABSTRACT**

Salahuddin al-Ayyuby was an Islamic leading warrior of the Muslim world. He successfully liberated Jerusalem and became the founder of government in Egypt and Syria. The Great Victory was achieved by the defeat of the Crusaders in the Battle of Hittin. He also unified the ranks of Muslim in Egypt, Syria, Yaman, Sudan and Asia Minor. In addition, he successfully unified the Islamic people in Egypt, Syria, Yemen, Sudan, and Asia Minor during 6-12 century AD. Moreover, he could achieve and build human well-being irrespective of race and religion in particular to defend the honor of Islam. This study used qualitative methods through the library as well as three main sources that is *al-Kāmil fi al-Tārīkh* composed by Ibn al-Athir, *al-Barq al-Syāfi*/ and *al-Fath al-Qus/fi al-Fath al- Quds/*, both composed by al-Isfahani and other manuscripts used as a reinforcement to study the concept of Jihad performed by Salahuddin al-Ayyuby. Furthermore, the comparative method was also used to compare similar perspectives in five aspects, namely jihad against the Crusaders, unification of the ranks of Muslims, the liberation of Jerusalem military administration and peace. However, there are different perspectives in term of the management of society and politics. The different perspectives and views are mainly due to the fact that they are working in different situation. These similarities and differences show that the concept of Salahuddin's jihad was not only focused on the aspect of the war alone. Yet, it covers the whole aspect of life.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang

Perang Salib atau dikenali juga sebagai Crusade<sup>1</sup> merupakan perang yang masyhur dalam kalangan orang Kristian dan orang Islam. Perang ini berpunca daripada hasrat orang Kristian Barat untuk menakluk Baitul Maqdis, yang akhirnya berlakunya peperangan Salib pertama pada 25 November 1095 dan tentera Salib berjaya merampas Baitul Maqdis pada 7 Jun 1099. Umat Islam cuba mengembalikan Baitul Maqdis yang dirampas dan dijajah oleh tentera Salib tetapi tidak berhasil. Sesuatu yang menyedihkan pada masa itu ialah khalifah Islam yang berpusat di Baghdad dan kerajaan Fatimi tidak dapat menentang tentera Salib kerana terdapat perselisihan dan pertelingkahan sesama sendiri di kalangan khalifah dan pemimpin justeru tidak mampu menyatukan umat. Pergolakan ini, di samping mencetus kesengsaraan rakyat, hal ehwal negeri juga menjadi tidak lagi aman.<sup>2</sup>

Akhirnya Wilayah-Wilayah Islam jatuh ke tangan tentera Salib. Kekuatan umat Islam mula berhasil setelah mana Mesir diperintah oleh Salahuddin al-Ayyuby beliau seorang pemimpin yang mempunyai sifat kepimpinan yang sebenar yang merasakan

<sup>1</sup> Crusade berasal dari kalimah bahasa Latin "Crux" yang bererti kayu Salib untuk dibawa ketika berperang. Tentera angkatan Kristian menuju ke Timur kemudian menyerang dan menyebabkan kematian umat Islam yang ramai iaitu semasa menghadapi musuh tentera Salib yang telah menjajah Baitul Maqdis dan negeri di sekitar kawasan Timur Islam pada tahun 1099. Carole Hillenbrand, 2005, *Perang Salib sudut pandang Islam*, Edinburgh University Press. Penterjemah, Heryodi. Jakarta. hlm. 41.

<sup>2</sup> Prachak Chuailai, 1978, *Look Islam*, Bangkok: tp. hlm. 166.

bahawa tugasnya yang diamanahkan oleh Allah ialah mengembalikan semula semangat jihad dalam menentang musuh untuk membebaskan Baitul Maqdis dan bumi umat Islam. Salahuddin boleh dikatakan seseorang pemimpin yang merasa bertanggung jawab dalam hal-hal ummah apabila keadaan ummah dan buminya dirampas oleh musuh mereka, iaitu tentera Salib. Maka pintu jihad dibuka untuk menjalankan taklif atau tanggung jawab bagi mempertahankan hak-hak Allah S.W.T. Hal ini telah dinyatakan dalam firman Allah dalam Surah al-Hajj (22: 39) :

شَقْةٌ = تَهْوِيْسٌ اَفْ تُعَذِّبُنِي % © # تَرْبِيْتُ وَهُنَّا &  
بَلْ ) عَرْ ٤ ( # قَبْلَتِي = اَبْرَأْتُهُمْ بِرَبِّي /  
وَالْدِيْنُ الْجَزِيْرَةُ ٤' نَعْتَاهُ ©! \$ #  
قَلْمَانْدِيْرُ • فِي % oS) سَوْ

Maksudnya: "Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi(oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya dan sesungguhnya Allah amat berkuasa untuk monolong mereka (mencapai kemenangan)"

Imam al-Qurtubi (671/1272) menafsirkan ayat ini dengan kenyataannya bahawa untuk mengelakkan kejahatan orang kafir, maka harus bagi orang Islam berperang untuk menegakkan kalimah Allah.<sup>3</sup>

Ayat diatas juga memberi keizinan perang dengan tiga syarat iaitu pertama apabila seseorang dizalimi dan dihalau dari kediamannya sedangkan dia beriman kepada Allah, yang kedua kerana menjaga agama dan ibadat dan yang ketiga matlamat perang ialah kemenangan yang dapat menguasai bumi, dapat menjalankan hukum syariat dan dapat melaksanakan ibadat solat, zakat serta menyeru manusia kepada kebaikan dan melarang

---

<sup>3</sup> Imam Abdullah Ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, 1993, *al-Jāni' al-Ahkām al-Qurtubi*, Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Islami. juz.6. hlm. 46.

melakukan kejahanan.<sup>4</sup> Berasaskan kepada hadith, para sahabat bersumpah setia untuk berjihad sepetimana dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim yang memberi maksud: “Kami baiah, sumpah setia untuk berhijrah dan berpindah dari Makkah ke Madinah setelah selesai berhijrah. Sahabat bertanya Nabi S.A.W apa yang kita baiah, jawab baginda S.A.W, “baiah dengan agama Islam dan jihad pada jalan Allah.”<sup>5</sup>

Allah S.W.T mengutuskan Nabi Muhammad S.A.W antara lain untuk berjihad atau menjaga serta memelihara kemuliaan dan kehormatan Islam. Salahuddin al-Ayyuby yang hidup pada tahun ke-6 Hijrah atau abad ke-12M telah pun berjihad menentang tentera Salib yang menceroboh bumi umat Islam di Timur hampir seratus tahun iaitu dari tahun 1099 hingga tahun 1187. Salahuddin dianggap sebagai lambang jihad kerana beliau dapat menyatukan umat Islam serta membebaskan bumi Islam yang dijajah oleh tentera Salib.

Baitul Maqdis telah dirampas oleh tentera Salib pada tahun 492/1099, yang mana pada masa itu terletak di bawah penaklukan Fatimi kerajaan Mesir.<sup>6</sup> Baitul Maqdis telah mencapai puncak kezaliman dan keganasan terhadap umat Islam yang telah menyebabkan berpuluhan ribu rakyat dibunuh termasuk juga orang Yahudi dan orang Kristian yang enggan membantu tentera Salib.<sup>7</sup> Usaha umat Islam untuk mengembalikan Baitul Maqdis sama ada kerajaan Mesir atau kerajaan khalifah Abbasiah yang berpusat di Iraq gagal kerana dalam

---

<sup>4</sup> Al-Said Sabiq, 1990, *Fiqh Sunnah*, al-Qahirah: Dar al-Fath lil aqlam al-Arabi. hlm 113

<sup>5</sup> Syeikh Muhammad Yusuf al-Kandahlawi, 1987, *Hayat al-Sahabat*, al-Qahirah: Dar al-Raiyan lil Turash. Hlm 222.

<sup>6</sup> Ahmad Shalabi, 1983, *Perang Salib*, Singapura: Pustaka Nasinal Pte Ltd. Alih bahasa Syed Ahmad Semait. hlm. 23.

<sup>7</sup> Ibid. Ibn al-Athir, 1995, *al-Kamil fi al-Tarikh*, Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah. Juz. 10. hlm. 190.

kalangan umat Islam sendiri berpecah-belah.<sup>8</sup> Baitul Maqdis dan beberapa bandar yang dijajah mempunyai pemerintahan yang tersendiri seperti bandar (Raha) Edessa diperintah oleh Baldwin, bandar (Antakiah) Antioch diperintah oleh Behomend dan Baitul Maqdis yang diperintah oleh Godfrey.<sup>9</sup> Terdapat beberapa kawasan yang lain masih lagi di bawah pemerintahan Islam.

Pada tahun 521/1127 para pemimpin Islam yang terdiri daripada khalifah, raja-raja, sultan dan para ulama mula mengatur langkah untuk menghadapi musuh iaitu tentera Salib yang menjajah bumi umat Islam. Usaha membebaskan bumi yang dijajah oleh tentera Salib mula menghasilkan kejayaan di bawah pimpinan Imaduddin Zingki (541/1146) iaitu bapa kepada Nuruddin. Pada masa itu, kepimpinan beliau yang berpusat di Mosul membawa lambang jihad kerana berjaya membebaskan wilayah Islam satu demi satu daripada tentera Salib seperti wilayah Raha dan Ramallah pada tahun 543/1144 M.<sup>10</sup> Pada tahun 1146 M, Imaduddin Zingki telah mati dibunuh. Oleh itu puteranya Nuruddin mengganti tempatnya dan menyambung perjuangan jihad ke atas tentera Salib. Nuruddin berjaya menewaskan tentera Salib dan dapat membebaskan bandar Antioch pada tahun 1149 M. Setelah beliau meninggal dunia pada tahun 569/1173, Salahuddin meneruskan perjuangan jihad menentang tentera Salib. Semasa Nuruddin masih hidup. Salahuddin juga bertindak sebagai timbalan ketika memerintah Mesir setelah Nuruddin mati, Salahuddin mengatur langkah jihad dengan menyusun sistem masyarakat, ekonomi, tentera, dan menyatukan barisan umat Islam Syria, Yaman dan Sudan. Salahudin al-Ayyuby mencapai beberapa kali kemenangan dalam peperangan menentang tentera Salib.

---

<sup>8</sup> Abdullah Nasih Ulwan, 1991, *Salahuddin al-Ayyuby Batal Hittâ' wa Muhrir al-Quds min Salâbiyâ*. Juddah: Dar al-Salam. hlm. 67.

<sup>9</sup> Ahmad Shalabi, 1983, hlm. 24-25.

<sup>10</sup> Abdullah Nasih Ulwan, 1991, hlm. 68.

Sebuah pertempuran yang dikenali sebagai peperangan *Ma'rakah Hittin* telah menunjukkan kemuliaan dan kekuatan Islam dengan lebih jelas. Dalam peperangan ini Salahuddin juga membebaskan Baitul Maqdis dan berjaya mengusir tentera Salib dari jajahan wilayah-wilayah Islam. Sebelum itu kerajaan Islam tidak dapat bersatu dan menahan serangan tentera Salib, sama ada kerajaan khalifah Abbasiah di Baghdad atau kerajaan Fatimi di Mesir. Hal ini terjadi kerana keadaan dalaman yang sering berlaku huru-hara dan saling terjadi perebutan kuasa antara satu sama lain. Rakyat juga berpecah-belah dan berlaku pula pemberontakan dan pertempuran sesama Muslim yang berlainan puak. Sistem pentadbiran yang tidak teratur telah memberi kesempatan kepada tentera Salib untuk menakluki Baitul Maqdis dan kawasan sekitarnya.<sup>11</sup>

Salahuddin al-Ayyuby menjadi panglima perang terpenting bagi semua umat Islam kerana kehebatan beliau dalam peperangan Hittin yang amat menggerunkan tentera Salib. Dalam pertempuran itu, tentera Salib terdiri daripada pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar seperti Raja Raynald dari Chatilon, Guy of Lusingnan dan kumpulan Dawiah, Istbariah yang terkorban sehingga menjadi tebusan dalam peperangan itu.<sup>12</sup> Peperangan itu membawa kesan yang mendalam terhadap askar Salib. Setelah itu Salahuddin berusaha mengembalikan tanah-tanah yang dijajah oleh tentera Salib kepada umat Islam terutama Baitul Maqdis dan kawasan-kawasan yang pernah ditawan. Baitul Maqdis berjaya

---

<sup>11</sup> Dalam peperangan Salib pertama, tentera Salib berjaya merampas Baitul Maqdis pada 7 Jun 1099 M Soalnya bagaimanakah Baitul Maqdis dirampas dan dijajah dengan mudah sedangkan khalifah sentiasa menjaga kedaulatan negeri dan tumpuan diberikan demi kebahagiaan rakyat. Sesuatu yang menyedihkan pada masa itu khalifah tidak dapat menentang tentera Salib kerana di kalangan khalifah sendiri tidak mampu menyatukan umat. Para pemimpin merebut kuasa di samping rakyat di dalam keadaan sengsara dan hal ehwal negeri tidak lagi aman. Prachak Chuailai, 1988, *Look Isl&n*, Bangkok; Ttp. hlm. 166.

<sup>12</sup> Ahmad Shalabi, 1983, hlm. 40.

dibebaskan pada hari Jumaat bulan Rejab yang juga merupakan hari berlakunya Israk' dan Mikraj.<sup>13</sup> Salahuddin mengadakan perjanjian damai dan seterusnya memberi keizinan kepada tawanan tentera Salib dan orang Kristian dengan membayar tebusan dalam tempoh 40 hari.

Orang Islam telah memberi kemaafan kepada tentera Salib yang menceroboh Baitul Maqdis dalam peperangan Salib yang pertama. Permaisuri dan pemimpin-pemimpin tentera Salib memuji Salahuddin kerana beliau tidak bertindak balas seperti yang dilakukan oleh tentera Salib ketika peperangan Salib pertama, yang mana ramai orang-orang Islam telah dibunuh.<sup>14</sup>

Perang Salib merupakan peperangan yang kejam, yang antara lain berpunca dari pengikut Kristian Barat yang membakar semangat umatnya sehingga mereka sanggup berperang secara membawa tuli dan menyebabkan ramai orang terkorban. Perang Salib berlaku sebanyak 8 kali secara besar-besaran dan beberapa kali secara kecil-kecilan.<sup>15</sup> Setelah Baitul Maqdis jatuh ketangan Salahuddin, orang-orang Kristian cuba menghimpunkan tentera yang dipimpin oleh beberapa raja Barat termasuk Richard The Lion Heart raja Inggeris yang cuba merampas kembali Baitul Maqdis tetapi usahanya tidak berhasil akhirnya mengadakan perdamaian pada tahun 588/1192.<sup>16</sup>

---

<sup>13</sup> Isra' iaitu Nabi Muhammad (S.A.W) berjalan dari Masjid Baitullah al-Haram ke Masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis adapun Mikraj Nabi Muhammad (S.A.W) berjalan dari Masjid al-Aqsa ke Langit dengan menaiki Buroq. Iaitu satu mukjizat Allah kepada Nabi Muhammad (S.A.W). Sofiu Rahman Kafuri, 1991, *al-Rahiq al-Makhtum*, al-Masurah: Dar al-Wafa'. hlm. 166.

<sup>14</sup> Isfahani,2004, *al-Fath al-Qus/fi al-Fath al-Quds*, al-Qahirah: Dar al-Mannar. hlm. 74.

<sup>15</sup> Ahmad Shalabi, 1983, *Perang Salib*, Singapura. Pustaka Nasional Singapura. hlm. 1.

<sup>16</sup> Ibn al-Athir, 1995, *al-Kamil fi al-Tarikh*, Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah. juz. 10. hlm. 218.

Salahuddin terkenal sebagai panglima perang (*Qād al-jihād*) dalam sejarah Islam yang menjadi teladan yang baik oleh sebab perjuangan Salahuddin al-Ayyuby berlandaskan Islam dan perjuangannya *Syūmul* iaitu mencakupi semua aspek dan tidak hanya peperangan dengan senjata semata-mata. Penulis-penulis sejarah Salahuddin al-Ayyuby ramai yang mencatat mengenai hal ini, walau bagaimanapun kajian ini memilih untuk mengkaji dua orang tokoh sezaman dengan Salahuddin iaitu Ibn al-Athir dan al-Isfahani, akan meskipun ada lagi tokoh yang lain seperti Qadhi al-fadhil (525-595/1130-1198), Mahyuddin Ibn Abdullah al-Zahir (620-692/1223-1292) dan Al-Shihab Muhammad (644-725/1246-1324).

Justifikasi pemilihan dua orang tokoh tersebut iaitu Ibn al-Athir (555-630/ 1160-1232) dan al-Isfahani (519-579/1125-1201) adalah kerana mereka menulis sejarah perang Salib bermula dari kerajaan Frank membuat persiapan bala tentera menuju ke timur Islam dan menjajah bandar Tolitah pada tahun 478/1085 dan beberapa bandar yang lain dari taklukan Andalusia dan Tentera Salib yang menjajah pulau al-Saqliah pada tahun 484/1091.<sup>17</sup> Ibn al-Athir menyebut peristiwa perang Salib dengan teratur yang mana sebelum ini tiada yang menyusun dan menyebut dengan teratur. Selain itu Ibn al-Athir menyatakan sebab-sebab berlakunya peristiwa yang mana tidak disebut pada yang lain. Ibn al-Athir bukan hanya menyebut sebab berlaku satu-satu kejadian bahkan beliau menyebut punca kejadian Perang Salib iaitu kerajaan Fatimi Mesir yang memerhatikan kekuatan kerajaan Saljuk dan bimbang kerajaan Saljuk menaklukinya. Dengan itu kerajaan Fatimi menyeru tentera Salib untuk melakukan perang supaya menjadi halangan kepada Saljuk.<sup>18</sup> Yang

---

<sup>17</sup> Ibn al-Athir, 1995, juz. 10. hlm. 101.

<sup>18</sup> Muhammad Saiyid Kailani, 1984, hlm. 11.

demikian adalah kelebihan yang ada pada Ibn al-Athir yang mana tidak disebut oleh ulamak ulamak lain.

Ibn al-Athir pula hidup sezaman dengan Salahuddin. Beliau melihat cara pemikiran, akhlak, pentadbiran politik dan perjuangan Salahuddin. Beliau melihat Salahuddin seorang pahlawan Islam yang unggul kerana peperangan Salib mengambil masa yang lama sehingga hampir 200 tahun berperang di antara Islam dengan Kristian. Ibn al-Athir juga berkhidmat kepada Salahuddin dan beliau seorang tokoh yang alim serta mendapat kedudukan yang tinggi selaku wazir al-Malik al-Afdhal anak Salahuddin yang memerintah Mosul. Salahuddin memiliki keistimewaan, yang mana beliau bukan saja mengarang dan menulis, tetapi beliau juga keluar berjihad bersama dalam menentang tentera Salib. Kitabnya *al-Kāmil fi al-Tarikh* menjadi tumpuan utama dalam kajian ini.

Tokoh kedua yang dipilih ialah Al-Isfahani (519-579/1125-1201). Beliau seorang ulama sezaman dengan Salahuddin dan beliau juga seorang yang alim yang berkhidmat dan keluar berjuang menentang tentera Salib bersama sultan Nuruddin Zingki pada tahun 562/1166. Beliau mendapat kedudukan yang tinggi dalam dewan syair dari segi penulisan dan penghantaran surat-menjurat. Tulisan al-Isfahani mendapat perhatian Sultan Nuruddin dari segi kecekapan tatabahasanya. Setelah sultan Nuruddin meninggal dunia beliau masih lagi berkhidmat kepada anaknya al-Malik al-Saleh Ismail.<sup>19</sup> Al-Isfahani juga berkhidmat dengan Salahuddin al-Ayyuby dan menjadi penulis dewan syair kepadanya yang menggantikan Qadhi al-Fadil dalam urusan perang, politik dan juga dalam urusan keluarga

---

<sup>19</sup> Al-Isfahani, 2004, hlm. 5.

al-Ayyubiah. Setelah Salahuddin meninggal dunia beliau menetap di rumah untuk menulis dan mengarang hingga ke akhir hayatnya.<sup>20</sup>

Al-Isfahani adalah seorang tokoh yang arif tentang Salahuddin dan beliau juga mendapat gelaran sebagai setiausaha sulit Salahuddin dalam semua urusan terutama dalam menjelaskan pembukaan Baitul Maqdis yang mana beliau diperintah oleh Salahuddin untuk menyebarkan berita gembira kepada seluruh negara Islam melalui tulisan al-Isfahani. Berdasarkan alasan yang diberi al-Isfahani dipilih dengan memberi penekanan dalam kitabnya *al-Fath al-Qus/fi al-Fath al-Quds*/dan *al-Barq al-Syāni*

## 1.2 Permasalahan kajian

Pemahaman yang jelas tentang jihad Salahuddin boleh dijadikan model jihad sebenarnya dan boleh diguna pakai dalam konteks kehidupan hari ini. Untuk mengkaji konsep jihad Salahuddin al-Ayyuby menurut pandangan Ibn al-Athir dan al-Isfahani, di sini boleh dikemukakan beberapa persoalan penting yang akan menjadi persoalan utama dalam penyelidikan ini. Apakah sebenarnya jihad yang dilakukan oleh Salahuddin. Adakah jihad Salahuddin semata-mata berperang dengan angkatan senjata sahaja. Apakah yang dilakukan atau ditonjolkan oleh Salahuddin al-Ayyuby dalam jihad-jihadnya ketika pemerintahannya selain dari peperangan.

Apakah aspek yang dititikberatkan oleh Salahuddin al-Ayyuby dalam penyatuan barisan umat Islam untuk membangunkan masyarakat, ekonomi, tentera dan perdamaian serta mampu mengembalikan Baitul Maqdis ketangan umat Islam dan membebaskan

---

<sup>20</sup> *Ibid.*

wilayah-wilayah Islam yang dijajah oleh tentera Salib dan akan melihat bagaimanakah pandangan dua orang tokoh sezaman dengan Salahuddin iaitu Ibn al-Athir dan al-Isfahani yang memberi penjelasan terhadap konsep jihad Salahuddin al-Ayyuby dan juga aspek-aspek yang berkaitan. Akhirnya pencarian mengenai sejauh manakah persamaan dan perbezaan dari segi perspektif dua orang tokoh terhadap konsep jihad Salahuddin yang sebenarnya.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengkaji sejarah Salahuddin Al-Ayyuby dan perjuangannya dalam menentang tentera Salib dan menawan kembali Baitul Maqdis.
2. Menilai konsep jihad Salahuddin al-Ayyuby mengikut pandangan Ibn al-Athir dan al-Isfahani.
3. Memformulasikan kaedah pendekatan jihad umat Islam ini berteraskan nilai jihad Salahuddin yang di murnikan.

### **1.4 Skop Kajian**

Kajian ini akan memfokuskan kepada konsep jihad Salahuddin al-Ayyuby dalam aspek kehidupan seperti sosial, ekonomi, pentadbiran politik. Pandangan dua ulama sejarah terkenal dan hidup sezaman dan bertugas dengan Salahuddin iaitu Ibn al-Athir dan al-Isfahani menjadi asas perbincangan iaitu Ibn al-Athir dalam kitabnya *al-Kāmil fi al-Tarikh* dan al-Isfahani dalam kitabnya *al-Barq al-Syāni* dan *al-Fath al-Qus/fi al-Fath al-Quds/*. Tumpuan diberi kepada peperangan Hittin dan pembukaan Baitul Maqdis untuk melihat sejauh mana ketepatan pandangan jihad mengikut Ibn al-Athir dan al-Isfahani mengenai konsep jihad Salahuddin al-Ayyuby. Kajian juga akan melihat perbezaan dan persamaan pandangan dua tokoh tersebut terhadap jihad Salahuddin menentang tentera Salib dan beberapa aspek dalam jihad seperti aspek penyatuan barisan umat Islam, membangun masyarakat, ekonomi, politik, pentadbiran dan perdamaian.

## **1.5 Kaedah penyelidikan**

### **1.5.1 Kaedah pengumpulan data**

Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah kajian perpustakaan (*Library research*). Sumber utama untuk kajian ini merupakan kitab sejarah yang ditulis oleh Ibn al-Athir dalam kitab *al-Kāmil fi al-Tarikh* dan al-Isfahani dalam kitab *al-Barq al-Syāni* dan *al-Fath al-Qus/fi al-Fath al-Quds/*. Kitab ini dipilih kerana banyak penekanan tentang konsep jihad Salahuddin al-Ayyuby melalui penyatuan barisan umat Islam, pembebasan Baitul Maqdis, sosial, politik, tentera dan perdamaian.

Manakala sumber kedua (*Secondary Source*) yang utama dalam kajian ini ialah tulisan daripada kitab sejarah seperti Ibn Shidat (614-684/ 1214-1285) iaitu nama beliau Yosuf Ibn Rafa' Ibn Tamim Ibn Utbah al-Asadi al-Musuli Abu al-Mahasin Bahauddin terkenal dengan Ibn Shidat dalam kitab *al-Nawādir al-Sulṭāniyah wa al-Mahāzin al-Yusūfiyah*. Dalam tulisan beliau, terdapat sejarah mengenai Salahuddin yang bermula dengan kelahiran dan kelebihan keturunan Salahuddin serta mengenai keadaan perang Salahuddin dalam menentang tentera Salib hingga ke akhir hayat Salahuddin al-Ayyuby.<sup>21</sup>

Abu Shamah (604-697/1208-1298) iaitu nama beliau Abdul Rahman Ibn Ismail Ibn Ibrahim Abu Kasim al-Muqadasi al-Damashki yang mana kitab beliau *al-Rawdhatain fi Akhbār Dawlatain* mempunyai penulisan yang berkaitan dengan Salahuddin al-Ayyuby dalam menentang tentera Salib. Abu Shamah juga merupakan seorang tokoh yang mempunyai banyak maklumat tentang Salahuddin al-Ayyuby kerana beliau sendiri pernah berada dalam peristiwa tersebut.<sup>22</sup>

Al-Zahbi (673-748/1275-1350) dalam kitabnya *Siyar 'Aṣān al-Nubalā'* turut menyebut mengenai Salahuddin al-Ayyuby dan perjuangannya menentang tentera Salib.<sup>23</sup>

---

<sup>21</sup> Ibn Shidat Bahauddin, 1994, *al-Nawādir al-Sulṭāniyah wa al-Mahāzin al-Yusūfiyah Au Sirah Salāḥuddīn*, Qahahirah: Maktabah al-khanji. Tahqiq Jamaluddin al-Shayal.

<sup>22</sup> Abu Shamah al-Muqadsi, 2002, *al-Rawdhatain fi Akhbār Dawlatain*, Lubnan: Dar al-kutub al-Ilmiah lil Nashr.

<sup>23</sup> Zahabi, 1996, *Siyar 'Aṣān al-Nubalā'* Beirut: Muassasat al-Risala.

Ibn Kathir (701-774/1301-1374) dalam kitabnya *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*,<sup>24</sup> Kitab ini dibahagi menjadi dua bahagian iaitu bermula dengan meriwayatkan sejarah penciptaan ‘Alam dan Nabi-nabi terdahulu serta umat-umatnya, kemudian sejarah Islam bermula dengan sejarah Rasulullah S.A.W. dan berakhir dengan sejarah pertengahan kurun ke-8 hijrah. Kejadian-kejadian disusun berdasarkan tahun atau dikenali dengan metod (*al-Tarikh ‘ala al-Sinin*) mengikut tahun kejadian.<sup>25</sup> Beliau memberi tumpuan kepada sejarah riwayat hidup Salahuddin dalam menghadapi musuh tentera Salib.<sup>26</sup>

Ibn Khaldun (732-808/1332-1406) atau nama sebenar beliau Wali al-Din Abu Zid Abdul Rahman Ibn Muhammad Ibn Muhammad Ibn Muhammad Ibn al-Hasan Ibn Jubir Ibn Muhammad Ibn Ibrahim Ibn Abdul Rahman Ibn Khalid Khaldun al-Hadharmi. Dalam tulisan beliau iaitu “*Tarikh Ibn Khaldūn*” turut menyebut mengenai sejarah dan perjuangan Salahuddin.

Rujukan yang seterusnya terdiri daripada jurnal dan bahan-bahan rujukan sejarah, karya-karya ilmiah yang berkaitan dengan konsep jihad Salahuddin al-Ayyuby dan meliputi beberapa aspek yang berkaitan dengan jihad seperti menyatukan barisan umat Islam, membebaskan Baitul Maqdis dan menyelesaikan permasalahan sosial, politik,

---

<sup>24</sup> Cetakan tahun 1998, Jizah; al-MaktabTur ‘Matbaah al -Zumar.

<sup>25</sup> Kitab *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* merupakan sumber yang penting dalam sejarah terutama sejarah kesultanan Mamluk Mesir di zaman Khilafah Abbasiyyah. Oleh itu, kitab ini sering dijadikan rujukan dalam penulisan sejarah Islam sampai sekarang. Kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* megandungi 14 juz cetakan tahun 1994, Qahahirah : Dar al-Hadith .

<sup>26</sup> Ibn Kathir, 1994, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, al-Qahahirah: Dar al-Hadis. Juz. 11.

tentera dan perdamaian. Sumber rujukan daripada internet untuk menyokong hujah akan digunakan bila perlu.<sup>27</sup>

### **1.5.2 Kaedah penganalisisan data**

Data yang dikumpul akan dianalisis menggunakan kaedah kualitatif. Analisis ini memfokuskan konsep jihad Salahuddin al-Ayyuby dan beberapa aspek seperti persiapan awal jihad, penyatuan barisan umat Islam, membebaskan Baitul Maqdis, ekonomi, pengurusan, politik, tentera dan perdamaian. Data-data itu dikupaskan dan dianalisis untuk menjawab masalah penyelidikan.

Dalam kajian ini juga perbandingan dilakukan secara mendalam mengikut pandangan dua orang tokoh iaitu Ibn al-Athir dan al-Isfahani. Metod dalam penyelidikan melalui metod analisis data induktif iaitu hal bersifat khusus untuk mendapat kesimpulan umum. Metod deduktif iaitu pembuktian dari yang bersifat umum kepada yang bersifat khusus. Penyataan secara umum konsep jihad Salahuddin akan dihuraikan secara khusus dan terperinci dengan aspek yang berkaitan dengan jihad Salahuddin. Kajian ini juga menggunakan metod komparatif iaitu satu kaedah di mana pengkaji membuat perbandingan antara kes-kes yang sama atau berbeza dan memberi fokus kepada dapatan yang berbeza antara kes-kes yang muncul.<sup>28</sup> Menerusi cara ini bandingan terhadap pandangan dua orang tokoh Ibn al-Athir dan al-Isfahani tentang persamaan dan perbezaan dalam konsep jihad Salahuddin al-Ayyuby dalam beberapa aspek yang berkaitan dengan

---

<sup>27</sup> Othman Lebar, 2009, *penyelidikan kualitatif, pengenalan kepada teori dan metode*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malam. hlm. 138-139.

<sup>28</sup> W. Lawrence Neuman, *Social Research Method, Qualitative and Quantitative Approaches*, 6<sup>th</sup> Edition, Pearson, New York, P. 473.

konsep jihad seperti menyatukan barisan umat Islam, membebaskan Baitul Maqdis dan menyelesaikan permasalahan sosial, politik, tentera dan perdamaian akan menjadi tumpuan dan fokus utama.

## 1.6 Sorotan Literatur

Perbincangan tentang permasalahan jihad telah pun banyak dikaji dan ditulis oleh para ilmuwan sejak zaman dulu. Seperti kitab yang berjudul “*al-Rawdhatain fi Akhbār al-Dawlatain Nūriah wa al-Salāhuddin*” yang ditulis oleh Abu Shamah (604-697/1208-1298), seorang tokoh sezaman dengan Salahuddin al-Ayyuby. Secara ringkas beliau mencatat sejarah Salahuddin dan peristiwa apa yang berlaku terhadap Salahuddin secara langsung seperti catatan peperangan Salahuddin dalam menentang tentera Salib.

Dalam kitab yang berjudul “*al-Nawādir al-Sulṭānīyah wa Mahārib al-Yusufīyah*” yang ditulis oleh Ibn Shidad (614-684/1214-1285) beliau menulis tentang sejarah Salahuddin, kelahirannya, kelebihan, keturunan dan keterlibatan Salahuddin dalam perang Salib. Beliau juga dilantik oleh Salahuddin selaku qadhi kepada askar dan menyaksikan dalam beberapa peperangan seperti yang berlaku di Akka yang mana tentera Salib telah mengepung penduduknya. Dalam hal ini Ibn Shidad boleh dianggap sebagai rakan seperjuangan Salahuddin.

Dalam kitab *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* juzuk yang ke- 11 yang ditulis oleh Ibn Kathir (700-774/1300-1372) secara ringkasnya dalam juzuk ini beliau mengupas tentang perperangan Salib terhadap timur Islam dan kejatuhan Baitul Maqdis kepada tentera Salib. Selain itu Ibn Kathir juga menjelaskan kebangkitan semangat jihad orang Islam yang dipimpin oleh keluarga Zingki yang berterusan hingga Salahuddin al-Ayyuby dapat membebaskan Baitul Maqdis dari jajahan tentera Salib. Ibn Kathir juga menceritakan tentang perperangan Tatar dan kejatuhan kerajaan Baghdad.

Dalam kitab yang berjudul “*Tarikh Ibn Khaldūn al-Musamma kitāb al-Ibar wa diwān al-Mubtada’ wa al-Khabar wama Asarhum min zawi al-Sulṭān al-Akbar*” yang ditulis oleh Abdulrahman Ibn Khaldun (732-808/1332-1406) juzuk yang ke 5, beliau menjelaskan tentang kerajaan Bani Zingki Ibn Aqsanqar dan penaklukan Nuruddin seperti bandar Qalah, Binyas yang di bawah jajahan tentera Salib pada tahun 543/ 1148. Dalam juzuk yang ke 5 juga Ibn Khaldun menyebut mengenai ketegangan di antara Nuruddin dan Salahuddin setelah beliau menulis surat minta maaf kepada Nuruddin tentang perang di Hasan Syawbak. Permintaan itu ditolak oleh Nuruddin. Selain dari itu Ibn Khaldun menyentuh tentang Bani Ayyub iaitu kerajaan Salahuddin.

Ibn Taymiyah (728/1327) dalam kitab yang berjudul “*Fiqh al-Jihād*”, menjelaskan secara panjang tentang jihad dalam fasal yang ke- 9, beliau memberi takrif jihad dalam erti kata berperang melawan orang kafir dan berperang untuk menegakkan syariat Allah di

muka bumi. Dalam kitab Fiqh al-Jihad ini mengandungi 11 fasal secara umumnya beliau memberi penekanan tentang cara pentadbiran sebuah kerajaan Islam terhadap orang-orang bukan Islam termasuk cara kutipan jizyah, harta rampasan perang, hukum hudud dan hukum-hukum perang.

Terdapat juga di dalam kitab “*Ahkān al-Jihād wa fadhlā lihi*” karangan Al-Iz Ibn Abdulsalam Iz al-Din Abdulaziz al-Sulami al-Syafii (660/1261). Dalam kitab tersebut beliau menerangkan tentang kelebihan jihad, persiapan awal dalam jihad dan beliau juga menghuraikan kelebihan mati syahid serta bukti-bukti yang bersumber dari al-Quran dan al-Hadith.

Dalam kitab berjudul “*Al-Arba’ūn fi Fadhl al-Jihād*” yang ditulis Imam Jalaluddin al-Suyuti (911/ 1505) beliau menghimpunkan hadith yang berkait dengan jihad. Kelebihan jihad pada jalan Allah dan kelebihan mati syahid, beliau juga membawa hadith tentang mereka yang cuba lari dari medan jihad peperangan disifatkan sebagai mati dalam keadaan jahiliah.

Selain pembahasan bersandarkan kitab turath lama, kajian-kajian semasa seperti yang terdapat dalam kitab yang berjudul “*al-Jihād fi Fikr al-Islāni*” oleh Dr. Ahmad Shalabi juga akan diketengahkan.

Dr. Ali Muhammad Ali Auwdah al-Ghamidi, pensyarah bahagian sejarah di Universiti Ummulqura Mekah al-Mukaramah dalam kajian beliau yang berjudul “*Bilād al-Syātīn Qābil al-Ghuzu al-Mughābi*” berbincang tentang kerajaan Salahuddin al-Ayyuby selepas Salahuddin meninggal dunia dan kerajaannya di bawah pemerintahan anaknya. Selain itu juga, dalam kajian tersebut turut menyebut pendirian umat Islam tentang peperangan Salib dan munculnya kerajaan Tatar.<sup>29</sup> Manakala kajian ini merupakan kajian konsep perjuangan Salahuddin yang bermula daripada awal pemerintahannya sehingga penawanan semula Baitul Maqdis.

Dalam buku berjudul “*Perang Salib sudut pandangan Islam*” Oleh Carole Hillenbrand, pengetua Islamic studies University of Edinburgh pada tahun 1999, secara ringkasnya, beliau memberi tumpuan kepada perang Salib secara umum seperti Perang Salib pertama dan Perang Salib seterusnya. Beliau juga turut menyentuh mengenai jihad pada tahun 493-690/1100-1291 termasuk zaman Nuruddin dan Salahuddin dan kesan buruk perang Salib terhadap umat Islam.

Dalam buku yang berjudul “*Warriors of God Richard The lion heart and Saladin in the Third Crusade*” oleh James Reston, sebuah buku yang diterjemahkan dalam bahasa Arab oleh Dr. Ridwan al-Saiyid “*al-Muqātilūn fi Sab'illah*”, 2002, diterbitkan oleh Mamlakah al-Arabiah al-Saudiah. Secara ringkas buku ini telah memberi tumpuan kepada kehidupan awal Salahuddin. James juga turut menyentuh tentang kemasukan Salahuddin ke Mesir dan kemasukan tentera Salib untuk menguasai Baitul Maqdis. Walau

---

<sup>29</sup> Ali Muhammad Ali Auwdah al-Ghamidi, 1986, *Bilād al-Syātīn Qābil al-Ghuzu al-Mughābi*, Jamiah Ummul Kura, Makah al-Mukarramah, Maktabah: al-Talib al-Jamii.

bagaimanapun penulis tidak memberi penjelasan yang panjang tetapi hanya menyentuh penglibatan Richard dan Raja Jerman dalam perang Salib ketiga yang berakhir dengan perdamaian.

Dalam jurnal yang berjudul “Jihad: Konsep dan perdebatan”<sup>30</sup>, ditulis oleh Muhammad Afifi Abdul Razak dan Azman Muhammad Zain, beliau menjelaskan tentang pengertian jihad yang merupakan satu konsep yang terpenting dalam Islam. Dunia pasca 11 September menyaksikan konsep ini hangat dibincangkan dan diperdebatkan di media-media utama di serata dunia mengenai salah faham yang melibatkan konsep jihad, yang dianggap sebagai faktor utama wujudnya perdebatan mengenai konsep jihad. Selain dari itu jurnal ini juga memberi huraihan tentang mafhum jihad dalam pandangan Islam dan kelakuan jihad.

Dalam jurnal yang berjudul “Relations Between Nur al-Din Salah al-Din As Portrayed In Ibn al-Athir al-Kamil fi al-Tarikh”, yang ditulis oleh M.F Elshayyal,<sup>31</sup> Beliau menjelaskan tentang Ibn al-Athir seorang penulis sejarah yang memberi penerangan yang jelas terutama dalam peristiwa perang Salib pada abad ke-11. Beliau turut menegaskan bahawa Ibn al-Athir seorang penganalisis yang tepat tentang Salahuddin.

Terdapat beberapa kajian seperti dalam tesis Fathiah al-Nabrawi yang berjudul “*Ikhtisār al-Fath Ibn Ali al-Bandari fi Kitāb al-Barq al-Syāni lil Imaḍ al-Kālib al-Isfahāni*”, memenuhi keperluan PhD di universiti Cambridge pada tahun 1971. Dalam

---

<sup>30</sup> Bil. 10, Januari-Disember, 2008, YADIM.

<sup>31</sup> Senior lecturer, The Mark field Institute of Higher Education Loughborough University. UK.

kajian tersebut beliau memberi penekanan tentang “*Makhtutāt*” penulisan al-Fath Ibn Ali al-Bandari seorang penulis sejarah pada abad 13 yang meringkaskan kitab *al-Barq al-Syāni* bagi Imaduddin al-Isfahani setiausaha sulit Salahuddin al-Ayyuby. Beliau menyentuhkan bahawa pada asalnya kitab *al-Barq al-Syāni* adalah sejarah politik Salahuddin mengandungi 7 juzuk kebanyakannya hilang, yang ada hanya juzuk 3 dan 5 yang masih disimpan di Matabah al-Budiyah Oxford.<sup>32</sup> Manakala kitab *Sanāt al-Barq al-Syāni* mengandungi 6 juzuk.<sup>33</sup>

Tesis Muhammad al-Syanqiti yang berjudul “*Asr al-Hurub al-Salibiah Alaz al-Alaqat al-Sunniah al-Shiiah*”, kajian beliau untuk memenuhi keperluan PhD di Universiti Texas pada tahun 2011. Kajian tersebut mempunyai 5 bab, dalam bab 1 membincangkan tentang perperangan Salib ke atas Mesir dan Syria pada abad 12-13, dalam bab 2 beliau memberi penekanan tentang perpecahan di antara golongan Syiah dan Sunni pada abad 11-12 di sekitar Mesir, Syria dan Iraq. Dalam bab 3 pula beliau menyentuh tentang perpaduan golongan Sunni dan Syiah dalam menentang tentera Salib seperti pahlawan Pakhru al-Malik Ibn Amar yang mengepong raja Tarablus dalam tempuh 7 tahun di kawasan Hamah dan Damshik. Manakala pihak Sunni pula yang di pimpin oleh Abu al-Fadhli Ibn al-Khasyab menentang tentera Salib dalam satu barisan. Dalam bab 4 beliau menceritakan mengenai penerimaan golongan Syiah dan Sunni bercampur tangan dalam menghakimi

---

<sup>32</sup> No. MSS Bruce 11 vol.3 Marsh 425.vol. 5.

<sup>33</sup> Matabah al-Sulaimaniah di Istanbul Turki No. 2249 MS. Asad Efendi, yang diringkaskan oleh al-Bandari dengan sempurna.

negara Mesir dan akhirnya menyerah secara sepenuhnya kepada kerajaan Sunni. Manakala bab akhir beliau menjelaskan hubungan Syiah dan Sunni serta membandingkan zaman dahulu dan sekarang.

Abdul Qadir Nuri al-Baghdadi dari Universiti Baghdad dalam tesis PhD nya yang berjudul “*Siāḥah Salāhuddīn al-Ayyūby fi Bilāl al-Syān*”, beliau menyebut tentang sufi Salahuddin al-Ayyuby, sama ada pegangan aqidah yang dipelajari atau berguru dengan al-Maali al-Naisaburi. Beliau turut menyebut penglibatan Salahuddin dalam Perang Salib secara umum.<sup>34</sup> Walau bagaimanapun, kajian ini akan mengkaji dengan lebih mendalam konsep Jihad Salahuddin al-Ayyuby khususnya di medan perang Hittin dan perang membebaskan Baitul Maqdis dan beberapa aspek yang berkaitan dengan jihad, mengikut pandangan dua orang tokoh sejarah Islam yang terkenal iaitu Ibn al-Athir dalam kitab *al-Kāmil fi al-Tarikh* dan al-Isfahani dalam kitab *al-Barq al-Syān*/dan al-Fath al-Qusi fi al-fath al-Quðsi.

Muhammad Hamdan al-Qisi dalam tesis sarjana yang berjudul “*Salāhuddīn al-Ayyūby Syaksiah Farḍah Uhibuhā al-Muslimūn Jailan Ba’da Jil lisirātihī*”<sup>35</sup> memberi tumpuan kepada sejarah hidup Salahuddin dan peribadinya dengan memfokuskan pendidikan Salahuddin dan kesan masyarakat Mesir terhadapnya.<sup>36</sup>

<sup>34</sup> [www.alsoufia.org/vb/archive/indet.php/t](http://www.alsoufia.org/vb/archive/indet.php/t) diakses pada 1/6/2010

<sup>35</sup> pada tahun 1992, dalam tesis sarjana di Jabatan Sejarah dan Tamaddun Universiti al-Azhar

<sup>36</sup> [www.asrona.net/article.aspx-21667](http://www.asrona.net/article.aspx-21667) diakses pada 1/6/2010

Dalam tesis sarjana yang berjudul “*Jihad dalam al-Quran menurut Nahdhatul Ulama dan Muhammadiyah Satu Kajian Perbandingan*” oleh Abu Mazaya al-Hafiz<sup>37</sup>, tumpuan diberikan kepada Jihad dalam al-Quran. Beliau juga turut menyentuh mengenai hukum jihad dan jihad Rasulullah S.A.W di peringkat Makkah dan Madinah. Beliau juga menyentuh jihad menurut Nahdhatul Ulama dan jihad menurut Muhammadiyah.<sup>38</sup>

Dalam kajian yang berjudul “*al-Jihād Wa al-Qitād*” yang dikaji oleh Muhammad Khairu al-Haikal pada tahun 1996 untuk tesis PhD di Universiti Imam al-Azhar, Beirut, Lubnan, beliau telah memberi penekanan tentang masalah fikah hukum jihad serta mentafsirkan pengertian jihad dan menjelaskan peringkat-peringkat dalam dakwah sama ada di Mekah atau di Madinah. Beliau juga menjelaskan sebab-sebab jihad dalam Islam.<sup>39</sup>

Dalam tesis sarjana yang berjudul “*Saladin The Politics of The Holy war*” yang dikaji oleh Malcom Cameron Lyons pada tahun 1982, dari Faculty of Oriental Studies, Universiti of Cambridge, United Kingdom,<sup>40</sup> kajiannya ditumpukan secara umum tentang Salahuddin seperti perlantikan sebagai wazir dan sultan dan penguasaan negeri Mesir dan Syria. Beliau juga turut menyebut mengenai kemenangan Salahuddin dalam peperangan Hittin dan Baitul Maqdis. Beliau turut menyentuh mengenai Perang Salib ketiga dan kejatuhan Acer.<sup>41</sup>

---

<sup>37</sup> pada tahun 2006, untuk tesis sarjana di Jabatan al-Quran dan al-Hadis dari Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

<sup>38</sup> Abu Mazaya al-Hafiz, 2007, *Meluruskan pemahaman jihad mengikut al-Quran*, Johor Baru, Malaysia. Perniagaan Jahabersa.

<sup>39</sup> Muhammad Khair Haikal, 1996, *al-Jihād wa al-Qitād fi al-Siyāsah al-Syar'iyyah*, Beirut: Dar al-Bayariq.

<sup>40</sup> Malcom Cameron, 1982, *Saladin The Politics of The Holy war*, United Kingdom: Universiti of Cambridge.

<sup>41</sup> Malcolm Cameron Lyons and D.E.P. Jackson, 1997, *Saladin The Politics of The Holy war*, United Kingdom at the University, Cambridge.

Dalam tesis phD yang berjudul "*al-Adab fi Bilāl al-Shām usūr al-Zingkiyeen wa al-Ayyubyyeен wa al-Mamālik*", oleh Umar Musa Basha<sup>42</sup>, secara umumnya membincangkan tentang adabi syair Sham kurun yang ke 6-7 iaitu kerajaan Zingki, kerajaan Ayyuby dan kerajaan Mamalik. Beliau juga menyentuh tentang aliran pemikiran agama di kalangan umat Islam dan kesan Perang Salib.<sup>43</sup>

Dalam kajian ini, tumpuan diberikan terhadap konsep jihad Salahuddin al-Ayyuby dalam menentang tentera Salib dan membawa kepada pembebasan Baitul Maqdis dan aspek jihad yang lain yang dilakukan oleh Salahuddin seperti menyatukan barisan umat Islam, masyarakat, ekonomi, tentera dan perdamaian menurut pandangan Ibn al-Athir dan al-Isfahani.

Namun dalam perbincangan melalui sorotan literatur yang dinyatakan di atas, persoalan jihad Salahuddin, khususnya dalam 7 aspek tidak diuraikan secara mendalam. Justeru kajian ini cuba untuk mengisi ruang kosong yang masih ada mengenai Salahuddin.

## 1.7 Organisasi Kajian

---

<sup>42</sup> di Universiti al-Qahahirah, 1963,

<sup>43</sup> Dr. Umar Musa Basha, 1989, *al-Adab fi Bilāl al-Shām usūr al-Zingkiyeen wa al-Ayyubyyeен wa al-Mamālik*, Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr al-Maasarah.

Tesis dalam kajian ini merangkumi lima bab. Bab pertama merupakan bab permulaan bagi kajian yang mengandungi pengenalan, latar belakang, permasalahan kajian, objektif kajian, sorotan literatur, skop kajian, metodologi kajian dan organisasi kajian.

Bab dua akan menerangkan konsep jihad, hukum, kelebihan jihad dan latar belakang Salahuddin al-Ayyuby yang mengandungi pengenalan, nasab dan keturunan Salahuddin, keadaan masyarakatnya, kerajaan Zingki, kerajaan al-Fatimi, perlantikan Salahuddin menjadi wazir, kerajaan Ayyuby dan penglibatan beliau dalam perang Salib, perang Salib yang pertama dan penjajahan Baitul Maqdis, perang Salib kedua dan perang Salib ketiga. Manakala Bab tiga perbincangan akan dikemukakan dengan melihat latar belakang Ibn al-Athir dan al-Isfahani seperti guru-guru dan murid-muridnya, hasil tulisan, kaedah penulisan, keadaan semasa dan ketokohan serta keistimewaananya.

Bab empat pula akan menerangkan pandangan Ibn al-Athir dan al-Isfahani mengenai konsep jihad Salahuddin al-Ayyuby dalam 7 aspek iaitu jihad menentang tentera Salib, penyatuan barisan umat Islam, pembebasan Baitul Maqdis, ekonomi masyarakat, pentadbiran politik, tentera dan perdamaian. Bab ini juga merupakan bab analisis untuk persamaan dan perbezaan antara Ibn al-Athir dan al-Isfahani mengenai konsep jihad dan juga meliputi beberapa aspek iaitu jihad menentang tentera Salib, penyatuan barisan umat Islam, pembebasan Baitul Maqdis, masyarakat, pentadbiran politik, tentera dan Perdamaian.